

03 SEP 1996
ASW 2020
SAMBUTAN MENGGALAKKAN UNTUK ASW 2020

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Sambutan orang ramai terhadap Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020), yang urusniaganya masuk hari kedua, semakin menggalakkan apabila sebanyak 57,327,077 unit pada harga RM1 setiap unit dijual hari ini.

Ini menjadikan sebanyak 127,509,279 unit (RM127,509,279) dijual sejak ia mula diurusniagakan semalam.

Ketua Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Berhad, Datuk Mohd Hilmeiy Mohd Taib dalam satu kenyataan di sini berkata daripada keseluruhan unit saham yang dijual hari ini, 7,400,363 unit (RM7,400,363) dijual kepada pelabur Bumiputera manakala 49,926,714 unit (RM49,926,714) kepada pelabur bukan Bumiputera.

Seramai 9,170 pelabur Bumiputera dan 13,855 pelabur bukan Bumiputera telah membeli unit-unit saham itu sehingga 4.30 petang hari ini, katanya.

Semalam, 70,182,202 unit (RM70,182,202) telah dijual dengan 10,646,215 unit (RM10,646,215) dibeli oleh pelabur Bumiputera dan 59,535,987 unit (RM59,535,987) oleh bukan Bumiputera.

ASW 2020 dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad baru-baru ini untuk memberi peluang rakyat pelbagai kaum berusia 12 tahun hingga 29 tahun melabur untuk menikmati hasil perkembangan ekonomi negara.

Selangor mencatatkan jualan paling tinggi hari ini dengan 11,131,156 unit (RM11,131,156) diikuti oleh Wilayah Persekutuan 8,565,518 unit (RM8,565,518) dan Perak 6,145,317 (RM6,145,317).

Menurut Mohd Hilmeiy, Kaunter Utama ASNB di Jalan Tun Razak di sini akan memanjangkan waktu urusniaga daripada 8.45 pagi hingga 4 petang pada setiap Sabtu antara 7 Sept dan 28 Sept dan daripada pukul 9 pagi hingga 4 petang pada setiap Ahad antara 8 Sept hingga 29 Sept.

Beliau berkata pada peringkat awal, sebanyak 1.6 juta borang telah dicetak dan diedarkan di kaunter utama Ibu pejabat ASNB dan 1,244 ejen ASNB seluruh negara.

Ejen-ejen ASW 2020 yang kehabisan borang boleh mendapatkannya di stor Pos Malaysia, Jalan Chan Sow Lin bagi pejabat pos dan di Kaunter Utama Ibu Pejabat ASNB, Jalan Tun Razak serta pejabat cawangan ASNB bagi ejen-ejen lain, katanya.

Sebanyak 400,000 keping borang baru baru sedang dicetak dan dijangka siap akhir minggu ini atau minggu depan, katanya.--BERNAMA

NI LES NAK